



**TEKS UCAPAN
YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA
SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2025**

**6 OGOS 2024 (SELASA) | 10.00 PAGI
THE EVERLY HOTEL , PUTRAJAYA**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Hari ini, kita semua diberi peluang untuk berkumpul bersama-sama dalam program **Sesi Libat Urus Belanjawan 2025** selaras dengan tema “**Ekonomi MADANI, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera**”.
2. Kementerian Perpaduan Negara menyahut seruan YAB Perdana Menteri agar penyediaan Belanjawan 2025 akan berpaksikan kerangka Ekonomi MADANI secara menyeluruh dengan semangat perpaduan ke arah kehidupan yang berkualiti untuk rakyat.
3. Sesi libat urus ini diadakan bagi mendapatkan input dan cadangan daripada kalian semua yang merupakan pihak berkepentingan yang banyak membantu Kerajaan dalam menjadi agen dan jentera perpaduan di dalam negara ini. Selain itu, matlamat sesi ini juga adalah untuk memastikan Belanjawan 2025 dirancang dan digubal dengan menumpu kepada langkah-langkah untuk mempergiatkan lagi tiga agenda teras kerangka Ekonomi MADANI iaitu:

- (i) **Menaikkan siling ekonomi:** Mewujudkan peluang pekerjaan yang bermakna dengan gaji yang wajar; mengukuhkan kesiapsiagaan industri dan perdagangan negara seiring dengan perubahan landskap ekonomi dan permintaan global; menguruskan rantai bekalan yang cekap; memastikan keterjaminan makanan; dan memperluaskan asas hasil dan mempertingkatkan kecekapan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan.
- (ii) **Menaikkan lantai ekonomi rakyat:** Meningkatkan akses sejagat yang lebih komprehensif untuk pendidikan, kesihatan, kemudahan asas dan jaringan keselamatan sosial; dan membantu golongan berpendapatan rendah untuk mendepani cabaran kos sara hidup sejajar dengan peralihan ke sistem subsidi bersasar.
- (iii) **Meneruskan usaha penambahbaikan tata kelola Kerajaan.** Perkara ini termasuk menangani ketirisan perbelanjaan dan membendung gejala rasuah dalam kalangan penjawat awam dan juga masyarakat.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

HALA TUJU KEMENTERIAN

4. Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan **Dasar Perpaduan Negara** yang berteraskan **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara** yang menjadi asas dalam membentuk perpaduan di Malaysia. Melalui Dasar Perpaduan Negara, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan **Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI** yang berkonsepkan '**Perpaduan Dalam Kepelbagaian**' dalam menyambut saranan YAB Perdana Menteri bagi mencapai agenda membangun Malaysia MADANI.
5. Program Kembara Perpaduan adalah merupakan *flagship* program di bawah Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI yang memayungi tiga (3) kluster iaitu **Semarak Kenegaraan**, **Semarak Perpaduan** dan **Komuniti Rahmah** telah diperkenalkan dalam mengukuhkan jati diri dan memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat.
6. Kementerian dan agensi dibawahnya sentiasa berusaha meningkatkan **semangat perpaduan**, **kenegaraan**, **kebersamaan**, **hormat menghormati**, **kasih sayang**,

muhibbah dan kesukarelawanan dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa, agama dan budaya.

7. Dalam Belanjawan 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah diperuntukkan :
 - I. **RM40 juta diperuntukkan kepada Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** sebagai program flagship agenda perpaduan nasional bagi Sambutan Minggu Perpaduan, Eksplorasi Rukun Negara, Ini Warisan Kita, Citra Nusa Muzium, Harmoni Madani dan Promosi Perpaduan.
 - II. **RM20 juta diperuntukkan untuk memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti.
8. Bagi Belanjawan 2025, Kementerian Perpaduan Negara telah merangka keutamaan melalui **5 Inisiatif Bajet yang berjumlah RM 290 juta untuk pertimbangan Kementerian Kewangan** seperti berikut:

BIL	INISIATIF	KETERANGAN INISIATIF
1	Program Perpaduan, Integrasi Nasional dan Keharmonian	Merupakan program Flagship bagi pelaksanaan agenda perpaduan nasional, integrasi serta keharmonian.
2	Kesejahteraan Komuniti	Peranan KRT, Skim Rondaan Sukarela, Mediator Komuniti, Tabika dan Taska Perpaduan akan diperkasakan sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (<i>bridge builder</i>) dalam komuniti
3	Pendigitalan dan Teknologi	Pendigitalan bahan-bahan khazanah warisan negara
4	Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan	Melestarikan perpaduan melalui pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara
5	Penambahbaikan Infrastruktur Perpaduan	Premis - Premis Perpaduan diberikan tumpuan melibatkan perkhidmatan kepada orang awam terutamanya berkaitan skop pembaikan dan penyelenggaraan bangunan agensi-agensi di bawah KPN

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

9. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar Sesi Libat Urus ini dapat dijadikan platform bagi semua pihak untuk **mengemukakan cadangan, pandangan dan idea dalam usaha bagi mengukuh dan memperkasakan agenda perpaduan di dalam negara.**
10. Kementerian Perpaduan Negara akan mengumpulkan semua cadangan ini dan seterusnya akan mengemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk disemak dan diteliti dan seterusnya dipertimbangkan bagi dimasukkan dalam Belanjawan 2025.
11. Input Belanjawan 2025 ini penting dalam memastikan Kerajaan dapat melaksanakan agenda meraikan kepelbagaian, mempromosikan kebersamaan, mewujudkan peluang pertukaran budaya serta warisan serta meningkatkan dan menyebarluas prinsip asas intergrasi nasional iaitu **FAHAM, HORMAT** dan **TERIMA** perbezaan merentasi kaum dan generasi seterusnya bagi merapatkan jurang yang wujud.

12. Kementerian Kewangan harus mempertimbangkan permohonan peruntukan oleh Kementerian Perpaduan Negara kerana **Rancangan Malaysia ke-12 menyasarkan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) sebanyak 0.7 peratus menjelang tahun 2025**. Pelaksanaan pelbagai program amat penting bagi **mewujudkan tapak integrasi yang mampu meningkatkan interaksi antara rakyat pelbagai bangsa dan agama**.
13. Besarlah harapan saya agar Kementerian Kewangan dapat memberikan keutamaan terhadap input Belanjawan 2025 daripada Kementerian ini dalam memastikan semangat patriotisme dan kenegaraan dalam kalangan rakyat Malaysia sentiasa terpelihara.
14. Dengan ini saya **merasmikan Sesi Libat Urus Belanjawan 2025 Kementerian Perpaduan Negara**.

Sekian, terima kasih.